

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Bab ini menghuraikan tentang metodologi berkaitan dengan kajian yang dijalankan seperti sampel kajian, alat kajian, batasan kajian, kajian rintis dan penganalisaan data kajian.

3.2 SAMPEL KAJIAN

Kajian yang dijalankan adalah di salah sebuah sekolah menengah kerajaan di dalam daerah Kuala Terengganu, Terengganu. Sampel kajian adalah diambil secara persampelan rawak. Oleh kerana di sekolah yang dijadikan kajian tersebut mempunyai tiga buah kelas bagi tingkatan empat, yang mana masing-masing mempunyai seramai 40 orang pelajar, maka pemilihan secara rawak dilakukan dengan mengambil kelas yang mempunyai bilangan pelajar lelaki dan perempuan yang sama banyak iaitu 20 orang.

3.3 SUBJEK KAJIAN

Subjek kajian ini adalah terdiri daripada 40 orang pelajar tingkatan empat daripada sebuah sekolah menengah kerajaan di dalam daerah Kuala Terengganu, Terengganu. Pelajar-pelajar adalah terdiri daripada 20 orang pelajar lelaki dan 20 orang pelajar perempuan.

3.4 ALAT KAJIAN

Data untuk kajian ini akan dikutip melalui satu soal selidik yang mengandungi 4 bahagian untuk mendapatkan segala maklumat yang berkaitan dengan diri responden seperti latar belakang, ujian konsep kendiri, tahap komunikasi ibu bapa-anak dan masalah responden sebagai remaja dengan keluarga.

Soal selidik ini akan terbahagi kepada empat bahagian (lihat lampiran) iaitu:

- i) Bahagian I: Latar belakang mengenai responden
- ii) Bahagian II: Mengandungi 50 item konsep kendiri yang diambil daripada “ Tennessee Self-Concept Scale”.
- iii) Bahagian III: Mengandungi 30 item tentang tahap komunikasi ibu bapa-anak yang diambil daripada instrumen “Communication Exercise For Teenagers”
- iv) Bahagian IV: Mengandungi 30 item tentang masalah remaja yang diambil daripada “ Mooney Checklist”

BAHAGIAN I: MAKLUMAT DIRI

Dalam bahagian ini pengkaji telah membentuk soal selidik untuk mengetahui latar belakang responden untuk mendapatkan data-data yang berkaitan dengan jantina, umur dan tahap perkahwinan ibubapa .

BAHAGIAN II : SKALA KONSEP KENDIRI TENNESSEE (TSCS)

Skala ini telah dibentuk oleh Fitts pada tahun 1965 untuk menguji tentang konsep kendiri seseorang. Alat pengukuran ini telah banyak digunakan di Barat, antaranya termasuklah kajian-kajian yang dilakukan oleh Carry dan Laurel (1979), Lian (1982), Colongelo, Kelly dan Scharpher (1987), Haynes (1990). Sementara di Malaysia pula seperti kajian-kajian yang telah dilakukan oleh Ching (1976), Chiam (1976), Choo (1982) dan Maizan Abdillah (1987). Dalam soal selidik ini, terdapat hanya 50 item daripada skala ini yang diambil mengikut kesesuaian item dengan perkara yang hendak dikaji dalam kajian ini. Item-item tersebut adalah item-item yang melibatkan lima dimensi kendiri iaitu kendiri keluarga, kendiri fizikal, kendiri sosial, kendiri peribadi dan kendiri moral-etika. Setiap daripada dimensi ini terdiri daripada sepuluh item. Di mana lima daripadanya adalah berbentuk item positif dan bakiya adalah berbentuk item negatif, kecuali bagi kendiri fizikal yang mempunyai 6 item positif dan 4 item negatif. Semua item dalam inventori ini adalah berbentuk tertutup. Tindakan subjek kajian ini

adalah bergantung kepada jawapan dan persetujuan yang mereka pilih dengan semua pernyataan yang diberikan. Responden diberi lima pilihan jawapan iaitu:

- 1) Sangat tidak benar
- 2) Tidak benar
- 3) Tidak pasti
- 4) Benar
- 5) Sangat benar

Item-item positif dan negatif dirumuskan dalam jadual I

JADUAL I
STRUKTUR TSCS

DIMENSI KENDIRI	ITEM POSITIF	ITEM NEGATIF
Keluarga	7,8,18,31,44	20,21,33,45,46
Peribadi	11,16,19,29,42	3,23,30,43,50
Fizikal	1,2,13,24,25,36	14,26,37,38
Sosial	5,6,10,32,34	9,22,35,47,48
Moral-etika	4,15,27,39,49	12,17,28,40,41

Kesahan

Kesahan adalah sangat penting untuk memastikan kebenaran sesuatu alat pengukuran yang digunakan. Menurut Tuckman (1978), ianya adalah sangat mustahak

untuk menentukan sama ada alat tersebut sebenarnya boleh mengukur apa yang hendak diukur. Alat ujian TSCS yang digunakan dalam soal selidik untuk kajian ini semuanya telah diuji kesahannya oleh Fitts pada tahun 1965. Sementara itu untuk tujuan kajian ilmiah tempatan , kesahan alatnya telahpun dihasilkan berdasarkan sumber kajian Chiam (1978), melalui satu ujian yang dijalankan terhadap 399 orang pelajar. Didapati alat ujian ini benar-benar dapat mengukur konsep kendiri dan menunjukkan kesahan yang tinggi.

Kebolehpercayaan

Menurut Cates (1985) kebolehpercayaan merupakan ketebalan sesuatu alat dalam melahirkan skor yang setara. Beberapa kajian yang berhubung dengan kebolehpercayaan TSCS telah dijalankan sebelum ini. Antaranya seperti Marran dan Stockton (1980) yang telah mendapat bahawa nilai kebolehpercayaan TSCS adalah 0.92 dan merupakan nilai yang tinggi. Hasil yang sama turut dibuktikan oleh Colangelo et. al. (1987) dengan menggunakan kaedah uji dan uji semula dan nilai kebolehpercayaan yang didapati adalah di antara 0.80 dan 0.92

Manakala Kamaliah (1984) telah menghasilkan nilai kebolehpercayaan 'Tenessee Self-Concept Scale' bagi populasi pelajar ITM seramai 40 orang dalam kajian rintisnya. Hasil yang diperolehi menunjukkan bahawa ia mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.66

BAHAGIAN III: INVENTORI COMMUNICATION EXERCISE FOR TEENAGERS

Untuk melihat mengenai perhubungan komunikasi di antara ibubapa-anak, soal selidik ini telah mengambil instrumen CET oleh Bienvenu (1969). Penyelidik kemudiannya telah menterjemahkan soal selidik tersebut ke dalam bahasa melayu dan telah diperiksa oleh dua orang ahli bahasa yang lain untuk membuktikan tidak terdapat sebarang kesilapan. Sebanyak 30 item soalan telah dipilih iaitu yang benar-benar berkaitan dengan topik kajian yang dijalankan. 30 item ini telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu 15 item untuk menguji tahap komunikasi antara bapa-anak dan 15 item lagi untuk menguji tahap komunikasi antara ibu-anak. Inventori komunikasi ini disertakan memandangkan faktor interaksi dan komunikasi di antara remaja dengan ibu bapa juga merupakan salah satu daripada apa yang dimaksudkan dengan pengaruh keluarga. Oleh yang demikian ia akan dapat menjawab sama ada benar atau tidak komunikasi ibu bapa dengan anak mempengaruhi pembentukan konsep kendiri seseorang remaja.

Setiap item hendaklah dijawab oleh responden dengan menggunakan skala yang berikut iaitu:

- 1) Sangat tidak bersetuju
- 2) Tidak bersetuju
- 3) Tidak pasti
- 4) Setuju
- 5) Sangat setuju

Item-item yang positif dan negatif dirumuskan dalam jadual 2.

JADUAL 2
STRUKTUR CET

KOMUNIKASI	POSITIF	NEGATIF
Komunikasi ibu-anak	1,2,3,4,7,8,10,13,14,15	5,6,9,11,12
Komunikasi bapa-anak	1,2,3,4, 7, 8,10,13,14,15	5,6,9,11,12

Kebolehpercayaan CET

Hasnah (1990) telah menjalankan kajian kebolehpercayaan ‘ Inventori Communication Exercise For Teenagers (CET)’ ini dan hasil yang didapati menunjukkan soalselidik ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.86

BAHAGIAN IV: MASALAH REMAJA DARI MOONEY CHECKLIST

Masalah remaja yang berkaitan dengan keluarga telah dipilih dan diambil daripada ‘Mooney Checklist’. Mooney Checklist ini telah dialih bahasa oleh Chiam Heng Keng dan mempunyai nilai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi dalam kajian yang telah dijalankannya. Walaupun terdapat banyak masalah yang berkaitan dengan remaja dalam Mooney Checklist ini, namun yang diambil hanyalah sebanyak 30 item sahaja. Ini

adalah kerana pemilihan item dibuat berdasarkan kepada topik utama kajian iaitu berkaitan dengan perhubungan remaja dengan keluarga. Dalam bahagian ini responden akan diberikan ruang untuk menandakan mana satu pernyataan yang diberi merupakan masalah kepada mereka. Bahagian ini disertakan sebenarnya untuk menyimpulkan dan menjelaskan tentang konsep kendiri seseorang remaja tersebut, adakah ianya berkaitan dengan pengaruh keluarga atau sebaliknya. Pengaruh keluarga di sini tidak dibahagikan kepada sebarang faktor tetapi sekadar merupakan masalah biasa yang dihadapi di antara seseorang remaja dengan kedua ibu bapa. Bahagian ini akan menjawab kepada soalan kajian yang keenam iaitu sama ada terdapat kaitan di antara konsep kendiri remaja dengan masalah mereka dengan keluarga.

3.5 KAJIAN RINTIS

Satu kajian rintis telah dijalankan terlebih dahulu untuk menguji akan kesahan soal selidik yang telah dibentuk oleh penyelidik. Dalam kajian rintis ini hanya sebanyak sepuluh orang pelajar yang dijadikan sebagai subjek kajian. Responden tersebut terdiri daripada lima orang pelajar perempuan dan lima orang pelajar lelaki. Soal selidik telah diedarkan dan diberi masa selama setengah jam untuk mereka menjawabnya secara jujur. Terlebih dahulu penyelidik menjelaskan kepada semua responden bahawa tujuan soalan tersebut hanya untuk mengetahui konsep kendiri mereka dan kaitannya dengan pengaruh keluarga, tidak mempunyai sebarang tujuan yang lain. Setiap responden juga dijelaskan bahawa setiap jawapan mereka adalah betul dan tidak ada yang salah. Hasil yang

diperolehi telah menunjukkan bahawa item-item dalam keseluruhan soal selidik mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik. Begitu juga dengan item-item dalam ‘Tenessee Self-Concept scale’ yang telah dibahagikan kepada lima faktor untuk mengukur konsep kendiri, didapati hasilnya mempunyai kesahan yang mencukupi untuk mengukur konsep kendiri iaitu 0.74

3.6 ANALISIS DATA

Dalam penganalisaan data, pengkaji menitik beratkan jawapan yang lengkap daripada responden. Oleh yang demikian, soal selidik yang tidak lengkap dan mengelirukan akan ditolak dari penganalisaan. Soal selidik yang lengkap dan sempurna jawapannya akan dikumpulkan dan dianalisa dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik deskriptif digunakan untuk melihat kekerapan dan min. Sementara statistik inferensi pula digunakan untuk menguji hipotesis-hipotesis yang dibina dan pengujian-pengujian yang digunakan terdiri daripada ujian t dan korelasi. Aras signifikan bagi setiap ujian telah ditetapkan pada aras keyakinan 0.05. Dalam usaha untuk membuat penganalisaan data yang diperolehi, program komputer Stastical Package for Sosial Science (SPSS) akan digunakan.

Untuk memudahkan lagi penganalisaan data, jadual berikut dapat membantu:

HIPOTESIS	ANALISIS DATA
PERTAMA	UJIAN-T
KEDUA	UJIAN-T
KETIGA	UJIAN-T
KEEMPAT	UJIAN-T
KELIMA	KORELASI
KEENAM	KORELASI